



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

KURIKULUM STANDARD KELAS PERALIHAN

AMALAN BAHASA MELAYU

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

KURIKULUM STANDARD KELAS PERALIHAN

Amalan Bahasa Melayu

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
APRIL 2018**

Terbitan 2018

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan	vii
Kata Pengantar	ix
Pendahuluan.....	1
Matlamat	2
Objektif	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah.....	3
Fokus	4
Kemahiran Abad ke-21	5
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	6
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	8
Elemen Merentas Kurikulum	12
Pentaksiran Bilik Darjah.....	16

Organisasi Kandungan	19
Sistem Bahasa	22
Perincian Kandungan	
1.0 Aku dan Negaraku.....	25
2.0 Sayangilah Kurniaan Tuhan.....	27
3.0 Bermain dengan Angka	29
4.0 Hidup Sejahtera.....	31
Perincian Tema	33
Glosari	40
Panel Penggubal	44
Penghargaan	46



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara hidup yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan. Menurut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), "...'kelas peralihan' ertinya kelas di sekolah menengah yang menyediakan ajaran selama satu tahun untuk murid daripada sekolah rendah yang menggunakan bahasa selain daripada bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar sebelum bermulanya pendidikan menengah rendah."

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997

[PU(A)531/97.]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Kelas Peralihan (KSKP) dilaksanakan mulai tahun 2019 menggantikan Kurikulum Kelas Peralihan (Semakan 2003) yang mula dilaksanakan pada tahun 2003. KSKP digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di Kelas Peralihan selari dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa dijemakan dalam KSKP menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi semua mata pelajaran.

Penggubalan KSKP mengambil kira kerangka KSSM. KSKP memfokuskan kepada kemahiran berbahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. KSKP dilaksanakan melalui aktiviti dan komunikasi yang menyeronokkan dan merangsang pembelajaran untuk mempertingkatkan serta memperkukuh penguasaan bahasa Melayu. KSKP juga mengambil kira elemen memupuk nilai perpaduan dan keharmonian kaum supaya murid mengenal, menghormati dan menerima kelainan serta perbezaan individu.

KSKP juga mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang bersesuaian dengan keupayaan dan pencapaian murid. Penerapan elemen KBAT dapat merangsang keupayaan berbahasa secara optimum dan berkesan selari dengan keperluan Kemahiran Abad ke-21 yang seterusnya dapat melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kejayaan pelaksanaan KSKP memerlukan komitmen yang jitu daripada guru dalam mempelbagaikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran seperti inkuiri, modular, pembelajaran berasaskan projek dan pembelajaran kontekstual untuk memastikan murid menguasai kemahiran berbahasa dan memperkukuh kemahiran abad ke-21 dalam kalangan mereka

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSKP. Semoga pelaksanaan KSKP akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

SHAZALI BIN AHMAD

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Kelas Peralihan (KSKP) telah digubal semula sejajar dengan transformasi kurikulum sekolah rendah dan sekolah menengah. Kurikulum baharu berasaskan standard ini mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang didokumenkan sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang mesti dipelajari dan dikuasai oleh murid.

Kandungan kurikulum Amalan Bahasa Melayu digubal untuk melengkapkan dan membolehkan murid mencapai tahap kecekapan berbahasa menggunakan bahasa Melayu dalam pelbagai pengalaman pembelajaran supaya mereka lebih bersedia menghadapi pembelajaran peringkat sekolah menengah. Untuk mencapai hasrat tersebut, standard kandungan dan standard pembelajaran yang digariskan dalam DSKP Amalan Bahasa Melayu memberi penekanan kepada keupayaan murid untuk menguasai kosa kata dan istilah serta mengaplikasi pengetahuan tersebut melalui pembinaan ayat berdasarkan laras bidang ilmu pengetahuan, dalam aktiviti pembelajaran bagi membolehkan murid menguasai kemahiran abad ke-21.

Penggubalan kurikulum ini menggunakan pendekatan berbentuk modular, menekankan pembelajaran didik hibur dan pentaksiran secara holistik bagi menarik minat murid untuk meneroka bidang ilmu pengetahuan dalam bidang Sains, Matematik, Reka Bentuk dan Teknologi, dan Sejarah. Kreativiti guru untuk mempelbagaikan strategi pengajaran dan pembelajaran adalah dituntut bagi membolehkan murid memperkembangkan dan mengaplikasi kemahiran berbahasa melalui aktiviti yang dirancang secara berpusatkan murid mengikut bidang ilmu.

MATLAMAT

Matlamat Kurikulum Amalan Bahasa Melayu Kelas Peralihan adalah untuk melengkapkan dan membolehkan murid mencapai tahap kecekapan berbahasa daripada aspek penguasaan, penggunaan dan pengukuhan bahasa Melayu khususnya dalam pelbagai bidang ilmu dan kehidupan harian yang dipelajari dalam bahasa ibunda semasa berada di sekolah rendah serta membantu memupuk semangat patriotik dan menghayati nilai murni masyarakat Malaysia.

OBJEKTIF


Kurikulum Standard Kelas Peralihan mata pelajaran Amalan Bahasa Melayu bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Mempelajari, memahami dan menggunakan istilah dan kata umum dalam bahasa Melayu yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dengan tepat dalam pelbagai konteks dan situasi.
2. Mengemukakan maklumat dengan tepat dalam bahasa Melayu secara lisan dan tulisan.
3. Berinteraksi dengan baik dalam bahasa Melayu di dalam dan di luar bilik darjah.
4. Menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik dan kewarganegaraan melalui aktiviti berbahasa.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

KSSM dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetik; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif.

Kesepaduan ini bertujuan untuk membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. Kurikulum Amalan Bahasa Melayu digubal berdasarkan Enam Tunjang Kerangka KSSM.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah

FOKUS

Kurikulum Standard Amalan Bahasa Melayu Kelas Peralihan memberikan tumpuan kepada pemahaman dan penggunaan kosa kata umum dan istilah yang berkaitan dengan laras bidang pengetahuan mata pelajaran Sains, Matematik, Sejarah, Reka Bentuk dan Teknologi, membina dan menggunakan ayat mengikut konteks, memperkukuh kemahiran berbahasa melalui kemahiran mengemukakan maklumat dengan tepat dan berinteraksi dengan baik menggunakan bahasa Melayu. Penekanan kepada pemahaman, penggunaan dan penguasaan istilah, kata umum dan laras bahasa ilmu ini merupakan langkah persediaan murid kelas peralihan ke Tingkatan 1.

Amalan Bahasa Melayu berfokus kepada pemahaman dan penggunaan kosa kata umum dan istilah yang berkaitan dengan laras bidang pengetahuan bertujuan memperkenalkan murid kepada pelbagai kosa kata umum dan istilah mengikut bidang yang sebelum ini dipelajari dalam bahasa ibunda. Secara tidak langsung, fokus ini akan meningkatkan penguasaan perbendaharaan kosa kata umum dan istilah dalam bidang mata pelajaran Sains, Matematik, Sejarah, Reka Bentuk dan Teknologi.

Kemahiran berbahasa mencakupi kemahiran mendengar, pengujaran dan penyampaian lisan dalam pelbagai situasi; penguasaan pembacaan dan pemahaman teks bacaan yang pelbagai serta keupayaan murid mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan mudah yang berkaitan dengan laras bidang pengetahuan dan pengalaman yang telah dilalui. Kemahiran ini akan dicapai melalui pengajaran dan pembelajaran setiap tema dan perincian tema yang disediakan dalam lampiran.

Melalui kemahiran berbahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis, murid berketerampilan dalam komunikasi mengenai bidang ilmu mata pelajaran yang dipelajari, memahami dan berupaya mengenal pasti maklumat berkaitan pengetahuan mata pelajaran, serta menyampaikan maklumat dan pendapat secara rasional dan bertatasusila. Penekanan pelbagai strategi dan teknik pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menarik, kreatif dan inovatif secara didik hibur adalah dituntut agar dapat merangsang dan membantu murid menguasai pembelajaran Amalan Bahasa Melayu dengan lebih berkesan.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam kurikulum Amalan Bahasa Melayu menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 1: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, berkeyakinan, bertoleransi dan bersifat empati.
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai pelajar. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baharu.
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka mampu menggalas tanggungjawab bersama-sama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif dan ini menjadikan mereka seorang pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baharu. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka dapat menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika/undang-undang berkaitan maklumat yang diperolehi.
Penyayang/ Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkannya dalam PdP bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap Pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberikan justifikasi.
Mencipta	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis dan kreatif, menaakul dan strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis ialah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul ialah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk penaaakulan, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Dalam mencapai hasrat dan matlamat KSKP, strategi PdP Amalan Bahasa Melayu menggunakan pelbagai prinsip, teknik dan pendekatan untuk memenuhi konsep bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Konsep 5P

Strategi PdP Amalan Bahasa Melayu menekankan konsep 5P iaitu penggabungan, penyerapan, pengayaan, pemulihan dan penilaian. Ini selaras dengan usaha memenuhi konsep bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Konsep 5P merupakan asas dalam proses PdP. Melalui konsep ini, murid dapat menyesuaikan maklumat dalam rangsangan serta menghasilkan satu pelajaran yang bersepadu dan menyeluruh seterusnya mengelakkan murid daripada berasa bosan sepanjang proses PdP dijalankan. Kemahiran bahasa boleh digabungkan antara kemahiran mendengar, bertutur, membaca atau menulis yang terdapat dalam standard kandungan.

Selain itu, dalam PdP Amalan Bahasa Melayu juga, unsur ilmu, nilai murni dan kemahiran bernilai tambah boleh diserapkan. Penyerapan ini mengandungi pelbagai ilmu dan disiplin daripada

mata pelajaran lain, nilai murni masyarakat Malaysia serta kemahiran berfikir, kemahiran menaakul dan kemahiran bahasa yang membolehkan murid menguasai kemahiran secara bersepadu menerusi pengalaman pembelajaran bahasa.

Penilaian yang dijalankan secara berterusan dalam proses PdP merupakan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif PdP. Melalui proses penilaian ini, segala kelemahan dapat dikenal pasti dan jenis tindakan susulan dapat diambil terhadap seseorang murid sama ada berbentuk pemulihan atau pengayaan.

Bagi memastikan semua murid menguasai kemahiran bahasa, aktiviti pemulihan dalam PdP harus disediakan untuk membantu murid menguasai kemahiran bahasa yang belum dapat dikuasai dalam tempoh yang ditetapkan. Bahan yang disediakan digunakan secara berperingkat-peringkat daripada yang mudah kepada yang sukar. Pelaksanaan aktiviti ini adalah mengikut kemampuan murid untuk menguasai sesuatu kemahiran.

Aktiviti pengayaan dalam PdP pula disediakan untuk memantapkan kebolehan, keupayaan, bakat dan minat murid. Murid diberikan bahan yang berbeza untuk digunakan secara

bersendirian atau dengan bimbingan guru. Bahan dan aktiviti diberikan kepada murid yang telah menguasai kemahiran dalam jangka masa yang ditetapkan atau lebih awal daripada jangka masa yang ditentukan.

Penyelesaian Masalah

Penyelesaian masalah ialah aktiviti PdP yang mencabar pemikiran murid untuk menyelesaikan masalah. Murid perlu menggunakan kemahiran, prinsip dan teori yang telah dipelajari untuk menyelesaikan masalah yang diberikan. Selain itu, penyelesaian masalah secara kolaboratif perlu digalakkan dalam aktiviti bilik darjah.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Pembelajaran berasaskan projek merupakan pengaplikasian dan penggabungjalinan pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada pelbagai disiplin ilmu untuk menyelesaikan masalah. Murid menggunakan maklumat lama dan baharu untuk menghasilkan sesuatu yang nyata. Kaedah ini melibatkan murid mengkaji sesuatu isu, menyiasat dan mempersembahkan dapatannya. Hal ini juga dapat membantu guru menilai perkembangan atau kualiti pembelajaran murid. Murid lebih bermotivasi kerana dapat menghasilkan sesuatu produk.

Pembelajaran Koperatif

Pembelajaran koperatif ialah kaedah PdP dalam kumpulan yang membolehkan murid saling belajar sambil belajar dan membantu antara satu sama lain untuk menyelesaikan sesuatu tugas. Ahli kumpulan bekerja, berkongsi idea, bahan dan peralatan untuk mencapai matlamat sendiri dan kumpulan. Pembelajaran koperatif dapat menghasilkan tugas kumpulan, mewujudkan interaksi, semangat bekerja sepasukan dan latihan kepimpinan.

Pembelajaran Kecerdasan Pelbagai

Pembelajaran kecerdasan pelbagai dapat mengembangkan potensi kecerdasan, minat dan kecenderungan murid kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza. Ia merangkumi kecerdasan verbal-linguistik, logik-matematik, muzik, kinestetik, visual-ruang, interpersonal, intrapersonal dan naturalis.

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian individu dan masyarakat. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkan pengetahuan baharu secara bermakna dan menghayati kerelevanan pembelajaran dalam kehidupan mereka.

Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang berkeupayaan untuk membina pemahaman dan pengetahuan baharu mereka sendiri berdasarkan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin dan seronok belajar sepanjang hayat mereka.

Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah dan berupaya mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah pendekatan pengajaran yang bertujuan mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, kini dan masa hadapan. Hal ini bermakna murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat serta menangani perubahan.

Pembelajaran Akses Kendiri

Pembelajaran akses kendiri ialah satu program yang membolehkan murid belajar secara kendiri melalui penggunaan bahan pembelajaran. Murid diberikan peluang memilih aktiviti, menilai hasil kerja dan memantau kemajuan sendiri agar mereka bertanggungjawab dan berdikari terhadap pembelajaran mereka.

Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Pembelajaran luar bilik darjah merupakan aktiviti kurikulum yang dilakukan di luar bilik darjah secara terancang dan berstruktur. Kaedah ini dapat mengukuhkan pemahaman murid terhadap konsep yang dipelajari di dalam bilik darjah, memberikan pengalaman pembelajaran dalam situasi yang sebenar di samping mengembangkan kemahiran sosial dan insaniah.

Pembelajaran Masteri

Pembelajaran masteri sejajar dengan penetapan standard dalam KSSM yang bertujuan untuk memastikan semua murid menguasai kemahiran atau kecekapan bahasa dengan baik. Pembelajaran dipecahkan kepada unit yang lebih kecil supaya mudah dikuasai. Murid perlu menguasai tahap masteri sebelum beralih ke standard pembelajaran yang seterusnya.

Pendekatan Modular

Pendekatan modular bermaksud memecahkan penguasaan kepada unit-unit kecil yang dikenali sebagai modul. Amalan Bahasa Melayu mengandungi empat modul mengikut tema iaitu Tema Sejarah, Sains, Matematik, serta Reka Bentuk dan Teknologi. Keempat-empat tema mengandungi standard kandungan, standard pembelajaran, standard prestasi dan aktiviti mengikut perincian tema. Kesemua tema diajar menggunakan kemahiran berbahasa bagi mengukuhkan penguasaan bahasa Melayu murid.

Pembelajaran Berpusatkan Murid

Pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Amalan Bahasa Melayu haruslah berpusatkan murid. Pendekatan ini membolehkan murid berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar mengikut keupayaan sendiri. Oleh itu, murid dapat membina keyakinan berbahasa dalam pembelajaran mereka.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan pendekatan PdP yang berpusatkan murid secara menyeluruh. Murid mencari dan menyelidiki sesuatu perkara atau peristiwa secara sistematik,

kritis dan analitis sehingga dapat merumuskan jawapan kepada persoalan atau penemuannya sendiri dengan yakin. Guru berperanan sebagai fasilitator untuk membimbing proses penerokaan dan refleksi misalnya melalui aktiviti soal jawab. Ciri-ciri pembelajaran inkuiri berfokus pada hipotesis yang hendak diuji, sikap keterbukaan penggunaan dan pengesahan fakta atau bukti dan rumusan.

Pendekatan Didik Hibur

Pendekatan didik hibur merupakan satu pendekatan dalam proses PdP yang menekankan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan secara terancang. Keseronokan akan wujud melalui pembelajaran yang santai, menarik, menghiburkan dan bermakna yang dapat membantu mengukuhkan pemahaman dan merangsang murid untuk belajar. Unsur didik hibur boleh wujud dalam bahan dan aktiviti PdP bagi membolehkan murid mencapai sesuatu kemahiran berbahasa. Antaranya melalui aktiviti bercerita, lakonan, improvisasi, puisi, unsur kecindan, komik, lagu, muzik, filem serta seni kreatif yang lain.

Kepelbagaian Sumber dan Bahan

Penggunaan pelbagai sumber dan bahan amatlah digalakkan dalam PdP Amalan Bahasa Melayu. Bahan berunsur ilmu, separa ilmiah dan bahan sastera hendaklah digunakan dalam PdP bagi bacaan intensif dan ekstensif. Kepelbagaian sumber atau medium ini merujuk penggunaan sumber pertama, bercetak, elektronik, digital dan internet, serta bahan yang autentik, seperti akhbar, majalah, buku rujukan, kamus, glosari dan sebagainya.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen dalam EMK adalah seperti yang berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.

- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian sains dan teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
 - (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
 - (ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
 - (iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
 - (iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.

- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cinta akan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti dan Inovasi

- Kreativiti ialah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, memperbaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.

- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

- Penerapan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.
- Salah satu penekanan dalam TMK adalah pemikiran komputasional yang boleh diaplikasikan dalam semua mata pelajaran. Pemikiran komputasional merupakan satu kemahiran untuk menggunakan konsep penaakulan logik, algoritma, leraian, pengecaman corak, peniskalaan dan

penilaian dalam proses menyelesaikan masalah berbantuan komputer.

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperoleh melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa peringkat tempatan, negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal kewangan secara bertanggungjawab.

- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang, yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit misalnya, pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain yang merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pentaksiran bilik darjah (PBD) merupakan proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan bagi membolehkan guru menentukan tahap penguasaan murid. PBD boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir sesuatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Guru perlulah merancang, membina item atau instrumen pentaksiran, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan yang diajar berdasarkan DSKP.

Dalam usaha memastikan pentaksiran membantu meningkatkan keupayaan dan penguasaan murid, guru haruslah melaksanakan pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, lisan dan penulisan.
- Menggunakan pelbagai strategi pentaksiran yang boleh dilaksanakan oleh guru dan murid.
- Mengambil kira pelbagai aras pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari.

- Membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.
- Mentaksir tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.
- Mengambil tindakan susulan bagi tujuan pemulihan dan pengukuhan.

Guru Amalan Bahasa Melayu perlu melaksanakan proses PdP dalam bilik darjah dengan merujuk kepada SK, SP dan perincian tema yang mengandungi perkara-perkara yang patut dipelajari dan perlu disampaikan dalam proses PdP. Kebijaksanaan guru dituntut bagi menentukan proses PdP dilaksanakan secara bersesuaian dan berkesan.

Kemahiran berbahasa perlu ditekankan dan diajar secara berfokus iaitu satu kemahiran dalam satu sesi PdP bagi mengukuhkan kecekapan keterampilan berbahasa. Seterusnya, guru juga perlu menyediakan instrumen pentaksiran yang sesuai untuk mentaksir tahap penguasaan murid sepanjang melaksanakan proses PdP. Instrumen pentaksiran merupakan

alat untuk mentaksir murid seperti pemerhatian, lembaran kerja, tugas berkumpulan, jawapan lisan dan sebagainya.

Guru mentaksir keupayaan murid dan menentukan tahap penguasaannya berdasarkan senarai standard prestasi dalam kelompok tema yang telah ditentukan. Terdapat empat standard prestasi bagi setiap tema, iaitu standard prestasi Aku dan Negaraku, standard prestasi Sayangilah Kurniaan Tuhan, standard prestasi Bermain dengan Angka dan standard prestasi Hidup Sejahtera.

Tahap penguasaan merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam tahap penguasaan yang menunjukkan aras penguasaan yang disusun secara hierarki iaitu tahap penguasaan sangat terhad, terhad, memuaskan, baik, sangat baik dan cemerlang. Tahap penguasaan ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum.

Guru boleh mencatat perkembangan murid di dalam rekod mengajar, buku latihan, buku catatan, senarai semak, jadual dan

lain-lain yang sesuai. Perekodan tahap penguasaan dibuat menggunakan templat pelaporan yang disediakan setelah PdP standard pembelajaran selesai dilaksanakan. Guru perlu menggunakan pertimbangan profesional dalam mentaksir keupayaan murid dan menentukan tahap penguasaannya berdasarkan standard prestasi mengikut tema. Setiap murid perlu diberi peluang mencapai tahap keupayaan yang lebih baik dengan melaksanakan proses bimbingan dan pengukuhan.

Pentaksiran Bilik Darjah tidak membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid lain tetapi melaporkan prestasi murid dalam pembelajaran dengan menerangkan tentang kemajuan dan pertumbuhan murid dalam pembelajaran merujuk kepada pernyataan standard prestasi. Murid dinilai secara adil dan saksama sebagai individu dalam masyarakat berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan individu lain.

TAHAP PENGUASAAN KESELURUHAN

Tahap Penguasaan Keseluruhan bagi setiap mata pelajaran perlu ditentukan pada setiap akhir tahun. Tahap Penguasaan Keseluruhan ini merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Guru perlu mentaksir murid secara kolektif dan holistik dengan melihat semua aspek semasa proses pembelajaran. Guru hendaklah menggunakan pertimbangan profesional dalam semua proses pentaksiran, khususnya dalam menentukan tahap penguasaan keseluruhan. Pertimbangan profesional boleh dilakukan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman guru, interaksi guru bersama murid, serta perbincangan bersama rakan sejawat.

Guru perlu merujuk kepada Jadual 3 iaitu Tahap Penguasaan Keseluruhan dalam menentukan tahap penguasaan keseluruhan murid. Guru boleh mentafsir tahap penguasaan keseluruhan apabila murid telah melengkapkan proses PdP bagi satu tahun pembelajaran.

Jadual 3: Penyataan Tahap Penguasaan Keseluruhan Amalan Bahasa Melayu Kelas Peralihan

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<p style="text-align: center;">1 Sangat Terhad</p>	<p>Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berinteraksi dengan menggunakan kosa kata, istilah dan ayat yang sangat lemah, sangat terhad dan memerlukan banyak bimbingan, panduan dan latihan dalam kemahiran bahasa.</p>
<p style="text-align: center;">2 Terhad</p>	<p>Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berinteraksi dengan menggunakan kosa kata, istilah dan ayat yang lemah, terhad dan memerlukan sedikit bimbingan, panduan dan latihan dalam kemahiran bahasa.</p>
<p style="text-align: center;">3 Memuaskan</p>	<p>Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa secara bertatasusila dan kecekapan berinteraksi dengan menggunakan istilah dan ayat yang sederhana mengikut konteks dan berupaya mengungkapkan idea serta menguasai kemahiran berfikir yang asas tanpa bimbingan dalam kemahiran bahasa.</p>

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
4 Baik	Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa secara bertatasusila dan kecekapan berinteraksi dengan menggunakan istilah dan ayat yang baik mengikut konteks untuk menyatakan idea, dan mengamalkan pembelajaran sendiri secara minimum dalam kemahiran bahasa.
5 Sangat Baik	Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa secara bertatasusila dan kecekapan berinteraksi dengan menggunakan istilah dan ayat yang sangat baik mengikut konteks untuk mengungkapkan idea dengan jelas dan terperinci, mengaplikasikan pengetahuan bahasa yang lebih kompleks , menguasai kemahiran berfikir yang kritis dan kreatif , serta mengamalkan pembelajaran secara kendiri dalam kemahiran bahasa.
6 Cemerlang	Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa secara bertatasusila dan kecekapan berinteraksi dengan cemerlang dan konsisten , berupaya mengungkapkan idea dengan jelas , menguasai kemahiran berfikir yang kritis dan kreatif , berkomunikasi secara penuh keyakinan , mengamalkan pembelajaran secara kendiri serta menjadi model teladan kepada murid yang lain dalam kemahiran bahasa.

ORGANISASI KANDUNGAN

Kurikulum Amalan Bahasa Melayu Kelas Peralihan digubal dengan memberikan penekanan pada SK, SP dan perincian tema yang perlu diketahui dan boleh dilakukan oleh murid. Standard ini digubal dalam bentuk pernyataan SK dan SP yang dipersembahkan dalam bentuk modular. Standard ini dibahagikan kepada bahagian dan unit yang mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran, nilai murni, kreativiti dan inovasi yang perlu dikuasai oleh murid. Pelaksanaan bagi mata pelajaran Amalan Bahasa Melayu adalah mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas yang berkuatkuasa dengan memperuntukkan peruntukan waktu minimum 236 jam setahun.

Jadual 4: Tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi
Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid (<i>indicator of success</i>).

Tema

Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Amalan Bahasa Melayu adalah secara tematik mengikut empat bidang pengetahuan iaitu Sejarah, Sains, Matematik, serta Reka Bentuk dan Teknologi. Cakupan tema bagi setiap bidang pengetahuan dipilih bersesuaian dengan kebolehan dan keupayaan murid kelas peralihan yang menghadapi masalah penguasaan kosa

kata dan pemahaman laras bahasa mengikut konteks mata pelajaran. Guru yang mengajar Amalan Bahasa Melayu perlu menentukan tema, standard pembelajaran, dan aktiviti yang diajar mengikut perincian tema, di samping strategi, kaedah dan teknik yang berkesan bagi memastikan murid menguasai matlamat dan objektif mata pelajaran ini.

Setiap standard pembelajaran yang diajar perlu menekankan kemahiran berbahasa menggunakan pendekatan berfokus iaitu mendengar dan bertutur, membaca atau menulis bagi memastikan peningkatan tahap penguasaan bahasa Melayu murid kelas peralihan. Tema dan cakupan tema yang ditekankan adalah seperti berikut:

1. Aku dan Negaraku

Tema ini merujuk kepada penerapan ilmu pengetahuan dan kemahiran pemikiran sejarah di samping penerapan semangat patriotik melalui pengetahuan tentang masa lalu yang mempengaruhi masa kini. Tema ini diajar agar murid dapat membina kerangka kronologi tentang pengetahuan sesuatu peristiwa selain dapat melahirkan perasaan cinta akan negara dan melahirkan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia.

2. Sayangilah Kurniaan Tuhan

Tema ini merujuk kepada penerapan ilmu pengetahuan dan kefahaman tentang sains melalui pengalaman dan pemerhatian bagi menguasai ilmu sains, kemahiran saintifik dan kemahiran berfikir serta sikap saintifik dan nilai murni.

3. Bermain Dengan Angka

Tema ini merujuk kepada penerapan ilmu pengetahuan dan kefahaman dalam pembelajaran matematik melalui konsep dan kemahiran matematik. Melalui tema ini, murid berpeluang untuk membentuk dan meneroka idea matematik secara mendalam melalui pengalaman dan pembelajaran yang pelbagai.

4. Hidup Sejahtera

Tema ini merujuk kepada penerapan ilmu pengetahuan dan kefahaman dalam kemahiran praktis, kemahiran reka bentuk, mengamalkan asas keusahawanan dan mengaplikasi asas teknologi. Melalui tema ini, murid mempelajari aspek pengetahuan asas dan kemahiran mereka bentuk, asas pertukangan dan teknologi bagi membolehkan murid menghasilkan produk yang berkualiti.

Kemahiran Bahasa

Kemahiran bahasa merupakan teras kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Amalan Bahasa Melayu. Setiap standard pembelajaran yang diajar perlu menekankan kemahiran berbahasa menggunakan pendekatan berfokus iaitu mendengar dan bertutur, membaca atau menulis bagi memastikan peningkatan tahap penguasaan bahasa Melayu murid kelas peralihan. Berikut adalah penerangan bagi setiap kemahiran bahasa.

1. Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Kemahiran mendengar merujuk pada keupayaan murid mendengar dengan teliti, memahami dan menghayati secara lisan perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan, serta dapat memberikan respons. Kemahiran bertutur pula merujuk keupayaan murid berkomunikasi untuk menjalin hubungan dan menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kreatif dan kritis dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan dan bertatasusila. Penggunaan tatabahasa yang betul diberikan penekanan dalam kemahiran bertutur.

2. Kemahiran Membaca

Kemahiran Membaca merupakan lanjutan daripada kemahiran mendengar dan bertutur yang melibatkan penglihatan. Kemahiran membaca yang lebih kompleks memerlukan pembaca menganalisis, menghayati, menilai dan membuat refleksi terhadap teks. Ini ditambah oleh gabungan medium teks digital dan bukan digital serta gabungan teks linear dan bukan linear dalam sesuatu aktiviti.

3. Kemahiran Menulis

Kemahiran menulis merujuk keupayaan murid menulis perkataan dan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui. Penekanan perlu diberikan pada penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan berunsur pengetahuan dan imaginasi. Penguasaan kemahiran ini diperolehi melalui situasi dan konteks dalam pelbagai bahan prosa, puisi dan grafik.

SISTEM BAHASA

Sistem bahasa ialah ilmu dan kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh murid. Sistem bahasa terdiri daripada sebutan dan intonasi, sistem ejaan, tanda baca, tatabahasa, kosa kata, dan peribahasa. Sistem bahasa diajarkan kepada murid secara penyerapan dalam mana-mana kemahiran bahasa bersesuaian untuk mengukuhkan kemahiran berbahasa murid. Berikut adalah penerangan bagi setiap aspek dalam sistem bahasa.

1. Sebutan dan intonasi

Sebutan dan intonasi diajarkan supaya murid dapat menyebut perkataan dan ayat dengan betul serta memahami intonasi dan jeda. Sebutan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah hendaklah menggunakan sebutan bahasa Melayu baku. Kemahiran yang ditekankan ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan sebutan dan intonasi supaya murid dapat menyampaikan maksud dengan tepat. Intonasi yang betul hendaklah diajarkan bagi jenis ayat yang berikut:

- (i) ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan
- (ii) ayat susunan biasa dan susunan songsang
- (iii) ayat ragam aktif dan pasif

2. Sistem Ejaan

Sistem ejaan ialah aturan pengejaan mengikut kesesuaian jenis dan bentuk perkataan. Buku Daftar Ejaan Rumi Bahasa Melayu edisi terkini dijadikan rujukan dalam PdP. Perkara yang diberikan penekanan dalam sistem ejaan ialah:

- (i) pola keselarasan vokal bahasa Melayu;
- (ii) ejaan kata pinjaman; dan
- (iii) ejaan kata dasar dan kata terbitan.

3. Tanda Baca

Tanda baca penting dikuasai khususnya dalam komunikasi tulisan dan bacaan mekanis untuk memastikan keberkesanan penyampaian mesej dan makna yang tepat. Tanda baca yang perlu dikuasai murid ialah noktah, koma, koma bernoktah, kolon, sempang, tanda soal, tanda seru, tanda petik, tanda kurungan, termasuk penggunaan huruf kecil, huruf besar, dan huruf italik.

4. Tatabahasa

Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis.

(i) Morfologi

Aspek morfologi yang ditumpukan ialah:

- Struktur kata yang merujuk pola suku kata bagi kata asli bahasa Melayu dan kata pinjaman bahasa Melayu.
- Bentuk kata yang merujuk bentuk tunggal atau hasil pembentukan kata yang terdiri daripada kata tunggal, kata terbitan, kata ganda dan kata majmuk.
- Golongan kata dalam bahasa Melayu yang terdiri daripada kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas.
- Kata yang bukan dalam bentuk leksikal tunggal yang diterbitkan daripada tiga proses pembentukan kata, iaitu pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan.

(ii) Sintaksis

Aspek sintaksis yang ditumpukan ialah bentuk, jenis, ragam, binaan ayat dan penerbitan ayat seperti yang berikut:

- Unsur utama yang terdiri daripada kata, frasa, klausa dan aspek pembinaannya serta pembahagian subjek dan predikat.

- Jenis ayat iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan.
- Ragam ayat yang terdiri daripada ragam ayat aktif dan ragam ayat pasif.
- Susunan ayat terdiri daripada susunan biasa dan susunan songsang.
- Binaan ayat yang terdiri daripada ayat dasar, ayat tunggal, ayat majmuk dan ayat terbitan.
- Penerbitan ayat melalui proses pengguguran, proses penyusunan semula dan proses peluasan.

Nota: Buku Tatabahasa Dewan edisi terkini ialah buku tatabahasa pegangan yang menjadi sumber rujukan dalam PdP Bahasa Melayu.

5. Kosa kata

Kosa kata terdiri daripada kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata perlu ditingkatkan dan dikembangkan agar murid dapat mengungkap maklumat dan buah fikiran selaras dengan penambahan ilmu dalam mata pelajaran yang dipelajari pada peringkat sekolah rendah.

6. Peribahasa

Peribahasa tergolong dalam bahasa kiasan yang merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan dan kata-kata hikmat. Peribahasa yang dipilih dan dipelajari mengutamakan falsafah, keperibadian dan nilai murni yang berteraskan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

1.0 AKU DAN NEGARAKU

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
1.1 Menyebut, memahami dan menggunakan kosa kata mengikut konteks	Murid boleh: 1.1.1 Menyebut, memahami dan menggunakan kosa kata umum dan istilah sejarah dengan tepat mengikut konteks.
1.2 Membina dan menggunakan ayat mengikut konteks secara gramatis	1.2.1 Membina ayat tentang sesuatu peristiwa secara gramatis mengikut konteks. 1.2.2 Menjelaskan sesuatu peristiwa secara bertatasusila mengikut konteks.
1.3 Mengenal pasti maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber	1.3.1 Mengenal pasti kronologi sesuatu peristiwa daripada pelbagai sumber dengan betul dan jelas. 1.3.2 Merumuskan dan menyampaikan maklumat berdasarkan teks dan grafik dengan betul dan jelas.
1.4 Berinteraksi tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi	1.4.1 Bersoal jawab tentang sesuatu peristiwa secara bertatasusila. 1.4.2 Berbincang tentang sesuatu peristiwa sebelum dan semasa dalam pelbagai situasi dengan betul, jelas dan bertatasusila.

TAHAP PENGUASAAN	STANDARD PRESTASI AKU DAN NEGARAKU
	TAFSIRAN
1 Sangat Terhad	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah sejarah untuk memerihalkan dan menyatakan kronologi sesuatu peristiwa berdasarkan teks dan grafik menggunakan ayat yang betul pada tahap sangat terhad .
2 Terhad	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah sejarah untuk memerihalkan dan menyatakan kronologi sesuatu peristiwa berdasarkan teks dan grafik menggunakan ayat yang betul pada tahap terhad .
3 Memuaskan	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah sejarah untuk memerihalkan dan menjelaskan sesuatu peristiwa mengikut kronologi yang betul dan tepat berdasarkan teks dan grafik dengan menggunakan ayat yang betul secara bertatasusila pada tahap memuaskan .
4 Baik	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah sejarah untuk memerihalkan dan menjelaskan sesuatu peristiwa mengikut kronologi yang betul dan tepat berdasarkan teks dan grafik dengan menggunakan ayat yang betul secara bertatasusila pada tahap kukuh .
5 Sangat Baik	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah sejarah untuk memerihalkan dan menjelaskan sesuatu peristiwa mengikut kronologi yang betul dan tepat berdasarkan teks dan grafik dengan menggunakan ayat yang betul secara bertatasusila pada tahap tekak dan terperinci .
6 Cemerlang	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah sejarah untuk memerihalkan dan menjelaskan sesuatu peristiwa mengikut kronologi yang betul dan tepat berdasarkan teks dan grafik dengan menggunakan ayat yang betul secara bertatasusila pada tahap tekak, terperinci dan menjadi teladan .

2.0 SAYANGILAH KURNIAAN TUHAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
2.1 Menyebut, memahami dan menggunakan kosa kata mengikut konteks	Murid boleh: 2.1.1 Menyebut, memahami dan menggunakan kosa kata umum dan istilah saintifik dengan tepat mengikut konteks sains.
2.2 Membina dan menggunakan ayat mengikut konteks secara gramatis	2.2.1 Membina ayat untuk menjelaskan hasil pemerhatian berdasarkan perubahan atau fenomena yang berlaku dengan betul dan jelas.
2.3 Mengenal pasti maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber	2.3.1 Membuat kesimpulan yang munasabah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pelbagai sumber mengenai perubahan atau fenomena yang berlaku. 2.3.2 Mengenal pasti maklumat yang betul dan tepat daripada teks dan grafik mengenai perubahan atau fenomena yang berlaku dan membuat persembahan dalam bentuk grafik atau ilustrasi.
2.4 Berinteraksi tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi	2.4.1 Bersoal jawab tentang sesuatu fenomena yang berlaku menggunakan bahasa yang betul secara bertatasusila. 2.4.2 Berbincang tentang sesuatu fenomena yang berlaku menggunakan bahasa yang betul secara bertatasusila dalam pelbagai situasi.

TAHAP PENGUASAAN	STANDARD PRESTASI SAYANGILAH KURNIAAN TUHAN
	TAFSIRAN
1 Sangat Terhad	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah sains untuk menyatakan perubahan atau fenomena yang berlaku daripada pelbagai sumber serta menyampaikan maklumat yang diperolehi dalam bentuk grafik atau ilustrasi menggunakan ayat yang betul pada tahap sangat terhad .
2 Terhad	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah sains untuk menyatakan perubahan atau fenomena yang berlaku daripada pelbagai sumber serta menyampaikan maklumat yang diperolehi dalam bentuk grafik atau ilustrasi menggunakan ayat yang betul pada tahap terhad .
3 Memuaskan	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah sains untuk menjelaskan dengan memberikan kesimpulan yang munasabah mengenai perubahan atau fenomena yang berlaku daripada pelbagai sumber serta menyampaikan maklumat yang diperolehi dalam bentuk grafik atau ilustrasi menggunakan ayat yang gramatis secara bertatasusila pada tahap memuaskan .
4 Baik	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah sains untuk menjelaskan dengan memberikan kesimpulan yang munasabah mengenai perubahan atau fenomena yang berlaku daripada pelbagai sumber serta menyampaikan maklumat yang diperolehi dalam bentuk grafik atau ilustrasi menggunakan ayat yang gramatis secara bertatasusila pada tahap kukuh .
5 Sangat Baik	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah sains untuk menjelaskan dengan memberikan kesimpulan yang munasabah mengenai perubahan atau fenomena yang berlaku daripada pelbagai sumber serta menyampaikan maklumat yang diperolehi dalam bentuk grafik atau ilustrasi menggunakan ayat yang gramatis secara bertatasusila pada tahap tekal dan terperinci .
6 Cemerlang	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah sains untuk menjelaskan dengan memberikan kesimpulan yang munasabah mengenai perubahan atau fenomena yang berlaku daripada pelbagai sumber serta menyampaikan maklumat yang diperolehi dalam bentuk grafik atau ilustrasi menggunakan ayat yang gramatis secara bertatasusila pada tahap tekal, terperinci dan menjadi teladan .

3.0 BERMAIN DENGAN ANGKA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
3.1 Menyebut, memahami dan menggunakan kosa kata mengikut konteks	Murid boleh: 3.1.1 Menyebut, memahami dan menggunakan kosa kata umum dan istilah matematik dengan tepat mengikut konteks matematik.
3.2 Membina dan menggunakan ayat mengikut konteks secara gramatis	3.2.1 Membina ayat bagi menerangkan idea matematik dengan betul secara gramatis mengikut konteks.
3.3 Mengenal pasti maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber	3.3.1 Mengenal pasti masalah matematik daripada pelbagai sumber dan penyelesaian matematik dengan jelas dan sesuai. 3.3.2 Menjelaskan idea matematik secara sistematik daripada satu penyelesaian masalah berdasarkan teks dan grafik secara rasional dengan menggunakan ayat yang betul dan jelas.
3.4 Berinteraksi tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi	3.4.1 Bersoal jawab tentang sesuatu masalah rutin dengan melibatkan pelbagai strategi menggunakan bahasa yang betul secara bertatasusila. 3.4.2 Berbincang dan menyelesaikan masalah rutin dalam pelbagai situasi secara rasional menggunakan bahasa yang betul secara bertatasusila.

TAHAP PENGUASAAN	STANDARD PRESTASI BERMAIN DENGAN ANGKA
	TAFSIRAN
1 Sangat Terhad	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah matematik untuk mengenal pasti masalah matematik daripada pelbagai sumber dan menyelesaikan permasalahan dengan menggunakan ayat yang betul pada tahap sangat terhad .
2 Terhad	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah matematik untuk mengenal pasti masalah matematik daripada pelbagai sumber dan menyelesaikan permasalahan dengan menggunakan ayat yang betul pada tahap terhad .
3 Memuaskan	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah matematik untuk memerihalkan permasalahan matematik daripada pelbagai sumber dan menyelesaikan masalah menggunakan pelbagai strategi dan situasi secara rasional dengan menggunakan ayat yang gramatis secara bertatasusila pada tahap memuaskan .
4 Baik	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah matematik untuk memerihalkan permasalahan matematik daripada pelbagai sumber dan menyelesaikan masalah menggunakan pelbagai strategi dan situasi secara rasional dengan menggunakan ayat yang gramatis secara bertatasusila pada tahap kukuh .
5 Sangat Baik	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah matematik untuk memerihalkan permasalahan matematik daripada pelbagai sumber dan menyelesaikan masalah menggunakan pelbagai strategi dan situasi secara rasional dengan menggunakan ayat yang gramatis secara bertatasusila pada tahap tekak dan terperinci .
6 Cemerlang	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah matematik untuk memerihalkan permasalahan matematik daripada pelbagai sumber dan menyelesaikan masalah menggunakan pelbagai strategi dan situasi secara rasional dengan menggunakan ayat yang gramatis secara bertatasusila pada tahap tekak, terperinci dan menjadi teladan .

4.0 HIDUP SEJAHTERA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
4.1 Menyebut, memahami dan menggunakan kosa kata mengikut konteks	Murid boleh: 4.1.1 Menyebut, memahami dan menggunakan kosa kata umum dan istilah teknologi dengan tepat mengikut konteks teknologi.
4.2 Membina dan menggunakan ayat mengikut konteks secara gramatis	4.2.1 Membina ayat untuk menjelaskan sesuatu perancangan dan prosedur sesuatu perkara dengan betul secara gramatis mengikut konteks.
4.3 Mengenal pasti maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber	4.3.1 Mengenal pasti dan menjelaskan maklumat daripada pelbagai sumber mengenai sesuatu perancangan dan prosedur sesuatu perkara dengan betul dan jelas. 4.3.2 Mengemukakan maklumat daripada pelbagai sumber mengenai sesuatu perancangan dan prosedur menggunakan teks dan grafik dengan betul dan jelas.
4.4 Berinteraksi tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi	4.4.1 Bersoal jawab tentang sesuatu perkara berkaitan reka bentuk dan teknologi menggunakan bahasa yang betul secara bertatasusila. 4.4.2 Berbincang dan menyelesaikan masalah berkaitan reka bentuk dan teknologi secara rasional, dengan betul, jelas dan bertatasusila.

TAHAP PENGUASAAN	STANDARD PRESTASI HIDUP SEJAHTERA
	TAFSIRAN
1 Sangat Terhad	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah teknologi untuk menyatakan sesuatu perancangan dan prosedur sesuatu perkara berdasarkan teks dan grafik dengan menggunakan ayat yang betul pada tahap sangat terhad .
2 Terhad	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah teknologi untuk menyatakan sesuatu perancangan dan prosedur sesuatu perkara berdasarkan teks dan grafik dengan menggunakan ayat yang betul pada tahap terhad .
3 Memuaskan	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah teknologi untuk menjelaskan sesuatu perancangan dan prosedur sesuatu perkara berdasarkan teks dan grafik daripada pelbagai sumber secara rasional dengan menggunakan ayat yang gramatis secara bertatasusila pada tahap memuaskan .
4 Baik	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah teknologi untuk menjelaskan sesuatu perancangan dan prosedur sesuatu perkara berdasarkan teks dan grafik daripada pelbagai sumber secara rasional dengan menggunakan ayat yang gramatis secara bertatasusila pada tahap kukuh .
5 Sangat Baik	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah teknologi untuk menjelaskan sesuatu perancangan dan prosedur sesuatu perkara berdasarkan teks dan grafik daripada pelbagai sumber secara rasional dengan menggunakan ayat yang gramatis secara bertatasusila pada tahap tekak dan terperinci .
6 Cemerlang	Berupaya membina ayat dengan menggunakan kosa kata umum dan istilah teknologi untuk menjelaskan sesuatu perancangan dan prosedur sesuatu perkara berdasarkan teks dan grafik daripada pelbagai sumber secara rasional dengan menggunakan ayat yang gramatis secara bertatasusila pada tahap tekak, terperinci dan menjadi teladan .

5.0 PERINCIAN TEMA

A: AKU DAN NEGARAKU	
A1: KENALI DIRI SENDIRI DAN RAKAN SEBAYA	
A1.1	Menceritakan biodata diri.
A1.2	Memerihalkan rakan sebaya.
A1.3	Menjelaskan perbandingan pengalaman yang dilalui rakan sebaya.
A1.4	Memerihalkan peristiwa hari pertama persekolahan di sekolah menengah.
A1.5	Berbincang dengan rakan tentang peristiwa berkaitan kegemaran, hobi dan cita-cita.
A2: SEJARAH DAN KITA	
A2.1	Menyatakan maksud sejarah.
A2.2	Memerihalkan peristiwa 31 Ogos 1957.
A2.3	Menerangkan kronologi kehidupan penduduk Tanah Melayu sebelum merdeka hingga negara mencapai kemerdekaan.
A2.4	Menerangkan kehidupan penduduk Malaysia selepas merdeka.
A2.5	Menerangkan Sambutan Hari Kemerdekaan di sekolah.
A3: BUMIKU	
A3.1	Memerihalkan Zaman Air Batu.
A3.2	Menerangkan kesan pencairan air batu terhadap rupa bentuk fizikal bumi.
A3.3	Menjelaskan kesan perubahan bentuk fizikal bumi.

A3.4	Membincangkan pembentukan benua dan lautan akibat daripada perubahan iklim.
A3.5	Menggambarkan Zaman Air Batu Akhir.
A3.6	Membincangkan tentang rupa bentuk muka bumi Asia Tenggara akibat perubahan yang berlaku kepada Zaman Air Batu.
A4: IDENTITI NEGARA	
A4.1	Memerihalkan lambang-lambang identiti negara.
A4.2	Menerangkan tentang bunga kebangsaan Malaysia.
A4.3	Menerangkan tentang peranan bahasa kebangsaan.
A4.4	Menyatakan makna lambang-lambang pada jata negara.
A4.5	Menjelaskan etika menaikkan bendera kebangsaan.
A4.6	Membincangkan etika menyanyikan lagu kebangsaan.
A5: SENI WARISAN BANGSA	
A5.1	Memerihalkan seni warisan bangsa.
A5.2	Menerangkan cara pembuatan kraf tangan.
A5.3	Menyatakan kepentingan menghargai seni warisan bangsa.
A5.4	Memerihalkan permainan tradisional.
A5.5	Memerihalkan pakaian tradisional.
A5.6	Membincangkan tentang cerita rakyat.

A6.7	Membincangkan tentang alat muzik tradisional dan tarian tradisional.
B: SAYANGILAH KURNIAAN TUHAN	
B1: HIDUP BERSYUKUR	
B1.1	Mengenal pasti anggota badan.
B1.2	Menerangkan bahagian-bahagian anggota badan manusia.
B1.3	Menerangkan fungsi deria manusia.
B1.4	Membincangkan keistimewaan manusia berbanding kehidupan lain.
B1.5	Menyatakan keprihatinan terhadap semua hidupan.
B1.6	Mengenal pasti maklumat dan menjana idea cara manusia mengatasi ketidaksempurnaan anggota badan atau deria.
B1.7	Menghasilkan buku skrap tentang anggota badan manusia.
B2: KENIKMATAN HIDUP	
B2.1	Menyatakan pelbagai rasa makanan.
B2.2	Menyenaraikan sifat kimia bahan dengan menggunakan kertas litmus.
B2.3	Menghuraikan sebab dan akibat pengambilan makanan yang mengandungi rasa yang berlebihan seperti terlalu manis, masin, masam, dan pahit.

B3: REZEKI KITA	
B3.1	Menerangkan maksud pengawetan makanan.
B3.2	Menyatakan kaedah pengawetan pelbagai jenis makanan.
B3.3	Menerangkan jenis pengawetan yang sesuai bagi sejenis makanan yang digunakan.
B3.4	Menjana idea tentang kepentingan pengawetan makanan.
B4: HARGAI SUMBER AIR	
B4.1	Menyatakan sumber air semula jadi.
B4.2	Menerangkan perubahan bentuk air apabila dipanaskan dan disejukkan.
B4.3	Menerangkan peleburan ais, pendidihan air, pengewapan, penyejatan, pembekuan air dan kondensasi air.
B4.4	Menghubung kait keadaan perubahan air dengan pembentukan awan dan hujan.
B4.5	Meramal kesan pencemaran air terhadap kehidupan manusia.
C: BERMAIN DENGAN ANGKA	
C1: MENGENAL NOMBOR	
C1.1	Menyatakan jenis-jenis nombor dan mengelaskan mengikut jenis-jenis nombor: nombor bulat (genap dan nombor ganjil), pecahan, dan perpuluhan.

C1.2	Menerangkan penggunaan operasi matematik dalam perkataan: + = Tambah, - = Tolak, \times = Darab, \div = Bahagi
C1.3	Membina susunan nombor mengikut urutan menaik dan urutan menurun.
C1.4	Menghasilkan ayat matematik melalui penyelesaian masalah.
C1.5	Memerihalkan nombor pecahan dalam pelbagai situasi.
C1.6	Memerihalkan keputusan acara sukan berdasarkan ukuran jarak dan masa.
C2: KREATIVITI DAN INOVASI	
C2.1	Menerangkan bentuk asas dua dimensi (2D) dan tiga dimensi (3D).
C2.2	Menyatakan unit ukuran.
C2.3	Menghasilkan reka bentuk sesuatu objek berbentuk dua dimensi (2D) dan tiga dimensi (3D).
C2.4	Mencipta model secara kreatif menggunakan bahan yang berbentuk 2D dan 3D daripada pelbagai bahan.
C3: PASAR RAYA	
C3.1	Menyatakan perkara yang dapat dilihat di pasar raya.
C3.2	Menyatakan nilai barangan dalam ringgit dan sen pada risalah pasar raya.
C3.3	Menyatakan ukuran berat dan isipadu pada risalah pasar raya.

C3.4	Menjelaskan rasional pemilihan barangan. - keperluan dan kehendak - perbandingan harga dan kuantiti
C3.5	Merancang satu majlis keraian. - Hari lahir, hari guru, hari keusahawanan dan lain-lain majlis keraian yang sesuai.
C3.6	Menyediakan belanjawan untuk sesuatu majlis keraian.
D: HIDUP SEJAHTERA	
D1: UTAMAKAN KESELAMATAN	
D1.1	Menyatakan struktur organisasi bengkel berpandukan carta.
D1.2	Menyediakan jadual tugas berpandukan struktur organisasi bengkel.
D1.3	Menyatakan peraturan dan keselamatan am, diri, alatan dan bahan berpandukan carta.
D1.4	Menyatakan langkah menggunakan alat pemadam api berpandukan carta.
D1.5	Menerangkan langkah merawat luka ringan berpandukan carta.
D2: KENALI BENTUK	
D2.1	Menyatakan maksud reka bentuk.
D2.2	Menyatakan kepentingan reka bentuk.

D2.3	Mengenal pasti bentuk-bentuk asas.
D2.4	Mengenal pasti elemen reka bentuk.
D2.5	Menerangkan prinsip reka bentuk.
D2.6	Membincangkan kerjaya dalam reka bentuk.
D3: TAMAN KESAYANGANKU	
D3.1	Mengenal pasti biji benih yang baik berdasarkan ciri-ciri seperti cukup matang, bernas, berbentuk normal dan tidak diserang perosak.
D3.2	Membanding beza biji benih yang baik dan biji benih yang tidak baik.
D3.3	Menerangkan fungsi alatan seperti sudip tangan, serampang tangan dan penyiram.
D3.4	Sumbang saran tentang peranan reka bentuk bekas semaian.
D3.5	Mengisi medium ke dalam bekas semaian mengikut prosedur.
D3.6	Melakukan penjagaan semaian iaitu menyiram, merumput dan mengawal perosak dalam kumpulan.

GLOSARI

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
bentuk-bentuk asas	sesuatu yang mengisi ruang secara geometri, sama ada bentuk alami, bersendirian atau gabungan; memperlihatkan keseluruhan pandangan sesuatu objek agar lebih mudah difahami
berbincang	berbincang; bercakap-cakap atau berbicara tentang sesuatu hal; berunding; membahas sesuatu perkara utk mendapat kesimpulan; membicarakan
bernas	penuh berisi, subur, elok
bertatasusila	adat sopan santun dan budi pekerti yang baik
biodata	maklumat ringkas tentang diri seseorang (penulis, penceramah dan sebagainya).
cerita rakyat	cerita rekaan dari zaman dahulu yg disukai ramai dalam sesuatu masyarakat, yang masih diceritakan atau diperdengarkan dan diturunkan daripada satu generasi kepada generasi lain secara lisan

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
deria	kemampuan untuk mengetahui keadaan melalui sentuhan, penglihatan, pendengaran, penciuman dan kecapan.
elemen reka bentuk	unsur-unsur yang digunakan untuk menzahirkan idea awal sesebuah rekaan secara lakaran
etika	nilai dan garis panduan yang harus dipatuhi dalam melakukan sesuatu perkara.
grafik	bahan yang memuatkan maklumat atau paparan yang terdiri daripada lukisan, gambar rajah, simbol dan lain-lain untuk menyatakan atau menyampaikan idea
gramatis	berasaskan atau mengikut prinsip-prinsip nahu atau tatabahasa.
idea	buah fikiran, perbincangan intensif utk menyelesaikan masalah tertentu, mendapatkan cadangan baru, dsb.
ilustrasi	gambar (lukisan dan sebagainya) untuk menerangkan atau menghiasi sesuatu (dalam buku, majalah, dan lain-lain)

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
intonasi	turun naik atau tinggi rendah nada suara
kerjaya	profesion atau pekerjaan yang dipilih sebagai cara mencari nafkah
kesimpulan	ringkasan daripada yang telah dibicarakan; kesudahan pendapat; keputusan
ketidaksempurnaan	perkara yang tidak sempurna, terdapat kekurangan
konteks	keseluruhan keadaan atau latar belakang tertentu yang ada kaitannya atau dapat dihubungi dengan sesuatu.
kosa kata istilah	perkataan atau rangkai kata yang menyatakan sesuatu dengan betul, tepat dan sesuai dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan, seperti rangkai kata jentera parti yang digunakan dalam bidang Sains Politik.
kosa kata umum	keseluruhan kata dalam sesuatu bahasa, perbendaharaan kata, digunakan dalam ungkapan umum seperti perkataan-perkataan yang hadir dalam ayat.
kreatif	mempunyai kebolehan mengembangkan sesuatu idea

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
kondensasi	proses pertukaran wap atau gas kepada cecair; pemeluwapan
kronologi	susunan peristiwa (kejadian) menurut masa berlakunya peristiwa berkenaan
maklumat	menyampaikan sesuatu pemberitahuan atau perkara dalam bentuk yang mudah dan boleh difahami
matang	masak, tua, ranum
medium	bahan yang digunakan untuk menyemai biji benih dan menanam pokok
memahami	tahu dan mengerti benar cara sebutan, intonasi, dan makna
memerihalkan	menceritakan atau menjelaskan sesuatu; menerangkan.
mengelaskan	membahagi-bahagikan sesuatu kepada golongan atau kumpulan tertentu
munasabah	sesuai; berpatutan; dapat diterima akal; tidak mustahil
peleburan	perbuatan atau cara meleburkan (logam); hal menjadi lebur

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
pembekuan	keras atau kental kerana sejuk (tentang cecair); membekukan sesuatu jadi beku; menyebabkan sesuatu menjadi beku
pembentukan	perbuatan atau hal membentuk
pencemaran	perihal mencemari atau mencemarkan; pengotoran
pendidihan	perihal atau proses mendidih(kan).
pengawetan	proses atau kerja menjadikan sesuatu awet.
pengewapan	perbuatan (proses dll) mengewapi atau mengewapkan sesuatu.
penyejatan	perihal menyejat (menjadi kering): untuk menghindarkan
penyelesaian matematik	perbuatan atau hal menyelesaikan melibatkan cara atau kaedah dalam ilmu matematik.
penyiram	alat untuk menyiram
peranan	tugas (bahagian, pekerjaan) yang dilakukan untuk menjayakan sesuatu; sumbangan
perancangan	perbuatan; hal merancang sesuatu

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
peristiwa	sesuatu hal yang berlaku (menarik perhatian), kejadian atau perkara.
perubahan	perihal berubah, peralihan, pertukaran
prihatin	mengambil berat, perhatian terhadap sesuatu perkara
Prinsip reka bentuk	konsep yang digunakan untuk menyusun maklumat
prosedur	cara untuk melakukan (melaksanakan) sesuatu.
rutin	perkara yag biasa dan selalu dilakukan; cara yang tetap dan biasa untuk melakukan sesuatu; kebiasaan.
semaian	menanam benih di tempat tertentu supaya bercambah; menabur atau menanam benih supaya tumbuh
serampang tangan	alatan kerja: digunakan untuk menggemburkan tanah
situasi	suasana yg meliputi sesuatu masa (peristiwa); keadaan.

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
struktur organisasi	Kaedah penyusunan sesuatu; susunan, sesuatu yang dibina dalam bentuk; pola sesuatu organisasi
sudip tangan	alatan kerja: sendok seperti sudu, bertangkai panjang; digunakan untuk menyodok dan menggaul medium/tanah
teks	sesuatu yang tertulis untuk dijadikan bahan dalam memberi pelajaran, petikan dan lain-lain
tradisional	bersifat atau bercorak tradisi; perkara atau cara hidup yang turun-temurun.

PANEL PENGGUBAL

- | | | |
|-----|------------------------------------|---|
| 1. | Dr. Mazlan bin Ismail | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 2. | Hjh. Farizah Hanim binti Ismail | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 3. | Isnazhana binti Ismail | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 4. | Zaiton binti Hj. Derahman | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 5. | Zainon binti Abdul Majid | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 6. | Mazlan bin Awi | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 7. | Halim bin Jajuli | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 8. | Umi Salmah binti A. Manaf | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 9. | Yatimah binti Muji | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 10. | Prof. Madya Dr. Zulkifli bin Osman | Universiti Pendidikan Sultan Idris |
| 11. | Rofiah binti Abdul Talib | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 12. | Massita binti Ramlan | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 13. | Zuraimah binti Mohamad | Pejabat Pendidikan Daerah Rembau |
| 14. | Suzalin binti Zaini Sooria | Pejabat Pendidikan Daerah Port Dickson |
| 15. | Khannita binti Zakariah | Pejabat Pendidikan Daerah Seremban |
| 16. | Norazlena binti Lazim | SMK Taman Seri Muda Shah Alam |
| 17. | Siti Zaleha binti Mohd Zin | SMK Pusat Bandar Puchong (1), Puchong, Selangor |
| 18. | Nimi Nadia binti Mohamad@Johary | SMK Seksyen 5, Bandar Rinching, Selangor |

- | | | |
|-----|-------------------------------------|---|
| 19. | Kalai Salvi a/p Manickam | SMK Jalan Reko, Kajang, Selangor |
| 20. | Edzna Suri binti Ismail@ Abdul Raof | SMK Kelana Jaya , Petaling Jaya, Selangor |
| 21. | Salina binti Ramli | SMK Taman Seri Muda, Shah Alam, Selangor |
| 22. | Wong Yoke Ling | SMK Seri Indah, Seri Kembangan, Selangor |
| 23. | Sazlin binti Selim | SK Leftenan Adnan, Kajang, Selangor |
| 24. | Aze Fauziah binti Suib | SK Bandar Teknologi Kajang, Kajang, Selangor |
| 25. | Thiyagarajan a/l Packirisamy | SK Kota Kemuning, Shah Alam, Selangor |
| 26. | Suhailah binti Jumaat | SK Taman Kepong, Kepong Baru, Kuala Lumpur |
| 27. | Anidatul Azwa Binti Da'an | SMK Raja Jumaat, Lukut, Negeri Sembilan |
| 28. | Mohd Khairulanwar bin Abdul Khalil | SMK Bandar Rinching, Semenyih, Selangor |
| 29. | Mohd Hamdan bin Ab Hamid | SMK Raja Abdullah, Jalan Kepong, Kuala Lumpur |
| 30. | Koo Tsui Min | SMK Mantin, Jalan Besar Mantin, Negeri Sembilan |
| 31. | Nor Adila binti Mohd Nor | SMK Engku Husain, Semenyih, Selangor |
| 32. | Leo Li Ly | SMK Serdang, Serdang, Selangor |

TURUT MENYUMBANG

- | | | |
|----|---|---------------------------|
| 1. | Profesor Madya Dr. Abdul Rasid bin Jamian | Universiti Putra Malaysia |
| 2. | Dr. Azhar bin Sabil | Universiti Putra Malaysia |

PENGHARGAAN**Penasihat**

- | | |
|---------------------------|-----------------------------------|
| Shazali bin Ahmad | - Pengarah |
| Datin Dr. Ng Soo Boon | - Timbalan Pengarah (STEM) |
| Dr. Mohamed bin Abu Bakar | - Timbalan Pengarah (Kemanusiaan) |

Penasihat Editorial

- | | |
|----------------------------------|----------------|
| Mohamed Zaki bin Abd. Ghani | - Ketua Sektor |
| Haji Naza Idris bin Saadon | - Ketua Sektor |
| Dr. Rusilawati binti Othman | - Ketua Sektor |
| Mahyudin bin Ahmad | - Ketua Sektor |
| Mohd Faudzan bin Hamzah | - Ketua Sektor |
| Fazlinah binti Said | - Ketua Sektor |
| Mohamed Salim bin Taufix Rashidi | - Ketua Sektor |
| Paizah binti Zakaria | - Ketua Sektor |
| Hajah Norashikin binti Hashim | - Ketua Sektor |
| Haji Sofian Azmi bin Tajul Arus | - Ketua Sektor |

Penyelaras Teknikal Penerbitan dan Spesifikasi

Saripah Faridah binti Syed Khalid
Nur Fadia binti Mohamed Radzuan
Mohamad Zaiful bin Zainal Abidin
Abd Razak bin Mohammed

Pereka Grafik

Siti Zulikha binti Zelkepli

**Unit Komunikasi, Dokumentasi dan Kualiti Kurikulum
Sektor Dasar dan Penyelidikan,
Bahagian Pembangunan Kurikulum**

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 09-8884 2000 Fax: 03-88889917
<http://bpk.moe.gov.my>**

